



Akhbar Rasmi Kerajaan Negeri Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 3 RABU 18 JANUARI, 1967.

رابو 6 شوال 1386

PERCHUMA

Titah Uchapan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan Menyambut Hari Raya Aidil Fitri

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin bertitah bagi menyambut Hari Raya Aidil Fitri tahun ini bahawa Baginda perchaya ra'ayat Baginda yang di-kasehi akan menyedari dengan limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala, maka kita dapat menyambut hari baik dan bulan baik, ya' ini Berhari

Raya di-dalam suasana aman dan meriah, penuh dengan Semangat Persahabatan dan saling hormat menghormati, hasil-nya daripada ketenteraman dan keamanan serta laila perpaduan dari berjenis golongan masyarakat di-dalam Negeri Brunei Darul Salam

ini.

Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dengan sa-penoh-nya adalah saperti berikut:

"Kapada ra'ayat Beta yang di-kasehi dan Umat Muslimin sekalian. Al-hamdullillah Beta bersyukur ka-

pada Allah Subhanahu Wata'ala pada sa'at yang bahagia, Beta dan bagi pehak keluarga Beta menguchapkan SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI.

Sa-sungguh-nya pada tahun yang lalu, Beta tidak dapat bersama2 dengan ra'ayat Berhari Raya oleh kerana ketiadaan Beta berada di-negeri ini, tetapi Al-hamdullillah pada hari ini,

LIHAT MUKA 8



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berangkat ka-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada pagi

hari Khamis 12 Januari, 1967 untuk Bersembahyang Raya Aidil Fitri.

Masjid Omar Ali Saifuddin dan Masjid2 di-seluruh negara telah di-

banjiri oleh Umat Islam untuk Bersembahyang Raya pada pagi hari tersebut.

Dalam gambar ini kelihatan sa-orang pemuda sedang menziarahi

Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan sa-lepas Bagi-sembahyang Raya di-Masjid Omar Ali Saifuddin pada pagimis yang lalu.

PERSIDANGAN MAJLIS MASHUARAT DAERAH TEMBURONG

BANGAR. — Majlis Mashuarat Daerah Temburong, dalam persidangan-nya di-Temburong Club, Pekan Bangar pada 7 Januari, 1967 telah menerima tiga usul yang di-kemukakan oleh tiga orang Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Temburong.

Persidangan itu telah di-Pengerusikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan bin Pengiran Haji Syed Mashor. Usul2 tersebut ada-lah seperti berikut:

MENAMBAH BILEK DI-RUMAH SAKIT

Oleh Yang Mulia Awang Badas bin Kamarudin berbunyi. "Majlis Mashuarat Daerah Temburong yang bersidang pada hari ini, hendak-lah mengambil keputusan untuk menasehatkan Pegawai Daerah Temburong supaya Kerajaan menambah dua buah bilek di-Rumah Sakit, Pekan Bangar ini untuk orang2 yang di-shaki mengidap penyakit yang berjangkit, seperti Batok Kering dan Chachar.

MEMBERI BERLAMPU DI-PASIR SIARAU

Oleh Yang Mulia Awang Haji Abu Bakar bin Baha berbunyi: "Majlis Mashuarat Daerah Temburong yang bersidang hari ini hendak-lah mengambil keputusan untuk menasehatkan kepada Pegawai Daerah Temburong supaya Kerajaan dapat memberi berlampan di-Pasir Siarau di-Kawasan Temourong untuk menjadi panduan kepada mereka yang memakai outboard berjalan malam terutama-nya Pasokan Keselamatan dan kaki-tangan Kerajaan supaya menjadi kemudahan2 dan kehepatan.

MEMBERI BANTUAN KAPADA PEKEBUN2 KECHIL

Oleh Yang Mulia Awang Metussin bin Aliakbar berbunyi: "Majlis Mashuarat Daerah Temburong yang bersidang pada hari ini hendak-lah mengambil keputusan untuk menasehatkan Pegawai Daerah Temburong supaya Kerajaan dengan sa-berapa segera-nya mengarahkan dan serta memberikan bantuan kepada pekebun2 kechil di-daerah-daerah ini, supaya membuang tenaga2 yang sudah tua dan tidak dapat bekerja dengan getah2

kahwin yang sangat2 memuaskan hasil-nya kepada ra'ayat dan Kerajaan."

Tiga so'alan2 bertulis telah juga di-bentangkan dalam persidangan Majlis Mashuarat Daerah Temburong pada hari tersebut, ia itu seperti berikut:

MEMBUAT RANTIS

So'alan oleh Yang Mulia Awang Haji Abu Bakar bin Baha berbunyi: "Berapa lamakah lagi orang membuat rantis bagi jalan raya baharu itu akan selesai dan adakah perbelanjaan membuat rantis ini termasuk dalam perbelanjaan ktrek atau pun perbelanjaan Kerajaan."

Jawapan Kerajaan: "Tempoh masa-nya tidak dapat di-tetapkan dan perbelanjaan di-bayar dari wang rancangan tersebut."

So'alan2 oleh Yang Mulia Awang Metussin bin Aliakbar:

PEMBELIAN BINATANG TERNAKAN

1. "Adakah sudah Kerajaan Brunei membuat perundingan ka-luar negeri mengenai dengan pembe-

lian binatang ternakan sapi atau pun hanya berunding di-dalam negeri ini sahaja."

Jawapan Kerajaan: "Di-edarkan kepada pehak yang berkenaan dan jawapan-nya akan di-bentangkan di-persidangan yang akan datang apabila jawapan diterima kelak.

SHARAHAN PERTOLONGAN CEMAS

2. "Sa-patut-nya-lah Kerajaan menghantar Pegawai2-nya yang mahir dan yang tahu di-dalam Ilmu Kechemasan dan kemud-zaratan ka-Kampong2 di-kawasan pedalaman untuk memberikan sharahan2 supaya di-perdengarkan kepada orang ramai, bagaimanakah chara-nya memberi pertolongan kepada orang ramai yang lemas terkena ayer dan machamanakah chara-nya memberi pertolongan kepada orang2 yang di-dalam kebakaran dan lain2 lagi"?

Jawapan Kerajaan: "Perkara ini telah pun di-ranchang dahulu untuk melateh dua orang pemuda dari tiap2 mukim, tetapi telah tidak mendapat sambutan dari orang2 kampung."

Pembukaan Kelas2 Dewasa Bahagian Pelajaran Dewasa

BANDAR BRUNEI.—Pembukaan Kelas2 Dewasa Bahagian Pelajaran Dewasa 1967 seperti Kelas Membenteras Buta Huruf, Pelajaran Bahasa Melayu Bagi Orang2 Asing, Pelajaran Bahasa Melayu di-Sekolah2 China dan Misi dan lain2 Pelajaran yang bersangkutan dengan di-atas, pembukaan-nya akan di-mulai pada 1 Februari, 1967.

Sa-belum Kelas2 yang disebutkan itu di-buka, mereka2 yang ingin belajar sama-mula hendak-lah mendaftarkan diri mulai dari sekarang kepada:

1. Bahagian Bandar Brunei — Penyelia Kelas2 Dewasa Daerah Brunei, Awang Haji Md. Yassin bin Haji Metassim.
2. Bahagian Belait — Penyelia Kelas2 Dewasa Daerah Belait, Awang Muhammad bin Jaafar.
3. Bahagian Seria — Penyelia Kelas2 Dewasa Daerah Seria, Pengiran Tuah bin Pengiran Haji Chuchu.

PENGUMUMAN JABATAN PERTANIAN NEGARA

JABATAN Pertanian Negara, Brunei sedang melancarkan gerakan memusnahkan Babi2 Liar yang sentiasa menganas merosakkan tumbuh2an dan tanam2an terutama sekali di-kampong2 yang terpencil di-pendalaman negeri ini.

Gerakan ini di-lancarkan dengan menggunakan satu jenis Rachun bernama 'Fosfor Puteh' (White Phosphorus) yang di-masokan ka-dalam ubi-kayu yang khas di-masokan rachun tersebut dan di-letakkan merata2 di-mana kawasan2 yang di-perchayai Babi2 itu berkeliaran.

Oleh sebab rachun ini sangat merbahaya kepada manusia dan binatang2 ternakan, maka sa-belum gerakan merachun Babi2 ini di-jalankan bagi sa-sebuah kampung, maka terlebih dahulu pehak Jabatan Pertanian Negara mengumumakan kepada orang ramai menerusi Siaran Radio agar orang ramai jangan-lah hendaknya menyentoh, mengambil, apa lagi memakan Ubi2an yang melata2 di-kawasan2 yang diletakkan umpan2 ra-

chun2 tersebut.

Bukan-nya Ubi2an yang khas di-jual seperti di-Tamau atau di-Pasar, sebagaimana yang di-anggap orang ramai baru2 ini.

Dan di-samping itu biasa-nya bila saja umpan2 tersebut di-letakkan di-mara2 saja kawasan yang berkenaan, maka beberapa Pemberitahuan "Notice" telah pun di-lekatkan sebagai amaran kepada orang ramai.

Satu perkara lagi yang perlu di-peringatkan kapa-

da orang ramai ia-itu manakala Babi2 itu termakan umpan2 rachun tersebut, maka Babi2 itu boleh jadi berkehendakan minuman ayer yang berdekatan dengan-nya dan terus mati di-situ. Jikalau di-dapati bangkai2 Babi itu terlan-tar di-parit2, perigi atau apa saja ayer minuman, maka merbahaya-lah kepada manusia dan ternakan.

Suhaimi bin Haji Ismail.
Pembantu Pertanian Kanan, BRUNEI.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 18 Januari 1967 hingga ka-hari Selasa 24 Januari, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Subuh Terbit
18 Jan.		12.36	3.57	6.32	7.44	5.04	5.18 6.35
19 Jan.		12.36	3.57	6.32	7.44	5.04	5.18 6.35
20 Jan.		12.36	3.57	6.32	7.44	5.04	5.18 6.35
21 Jan.		12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20 6.35
22 Jan.		12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20 6.35
23 Jan.		12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20 6.35
24 Jan.		12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20 6.35

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada puko! 12.45 tengah hari.

Y.A.B. Dato Seri Paduka Marsal Mengucapkan Selamat Hari Raya Kapada Umat Islam

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un telah Mengucapkan Selamat Berhari Raya Aidil Fitri kapada Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei khasnya dan seluruh dunia 'amnya.

Dalam Uchapan Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal melalui Radio Brunei pada Hari Raya Aidil Fitri, beliau berkata bahawa pada hari yang mulia itu mari-lah kita bershukor kapada Tohan kerana kita telah dapat menunaikan fardhu Puasa dengan sa-baik2-nya dan mari-lah kita Berdo'a agar kita akan dapat menunaikan Puasa dengan baik-nya dan sempurna di-tahun2 yang akan datang.

"Di-samping itu, tentu-lah banyak perkara2 yang patut kita jadikan contoh di-masa kita menunaikan fardhu Puasa itu, khas-nya hendak-lah kita INSAF bahawa bagaimana pahit dan getir-nya manusia2 yang melarat yang tidak tentu makan minum-nya.

Oleh yang demikian, hendak-lah kita menanamkan di-jiwa kita peranan ingin tulong menolong dan bekerjasama untuk menchapai satu masyarakat yang 'adil dan ma'amor yang diridai Tohan.

Dalam perkara ini, saya suka menerangkan: kema'amoran, keadilan, ketenteraman, tidak akan dapat di-chapai dengan tidak ada-nya perasaan persamaan, perasaan tulong menolong dan perasaan bergotong royong.

KEBAJIKAN RA'AYAT DAN NEGARA

Mudah2an, dengan berkat hari yang mulia ini, kita Umat Islam di-Brunei ini akan dapat menginsafi dan mengamalkan buat selama2-nya untuk kebajikan ra'ayat dan negeri kita sendiri," kata Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal.

Selanjut-nya beliau berkata: "Tidak-lah rasa-nya

payah bagi saya pada sa'at yang di-berkati ini menyatakan satu2-nya kemajuan atau projek2 yang telah di-laksanakan atau di-ranchang dan di-kaji dalam masa sa-tahun yang sudah, tetapi memadai-lah pada perengkat ini di-tegaskan bahawa kita semua harus bersama2 bershukor kapada Allah dan berterima kasih kapada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia yang telah berjalan atas Dasar2 yang senantiasa bertujuan untuk terus memperbaiki nasib dan kehidupan ra'ayat; sama ada di-segi politik, ekonomi, mahu pun sosial dalam erti kata yang sa-luas2-nya.

Walau bagaimana pun, izinkan-lah saya menyatakan bahawa kapada sabilangan kecil penduduk2 yang nampak-nya belum faham akan kemajuan2 negara yang telah terchapai, yang mana menyebabkan timbul-nya dari gulongan itu anchaman2, keretik2 dan perasaan yang tidak puas hati, saya ingin menegaskan bahawa kemajuan negara itu bukan-lah hanya harus di-lihat atau di-tilek dari bilangan2 bangunan2 atau pembinaan2 yang hanya terbentang di-lihat dengan mata, tetapi mesti-lah juga di-tilek dan di-timbang dari segi2 yang lain yang harus tidak begitu mudah untuk memahaminya.

Kemajuan ada-lah di-sifatkan sa-bagai ayer sungai yang senantiasa mengalir dengan tidak berputus2. Mithal-nya sa-suatu bangunan itu boleh jadi ialah hasil tenaga selama tiga atau empat tahun, dan demikian juga hasil sa-satu ranchangan atau penyiasatan yang telah di-laksanakan pada tahun lepas hanya akan dapat di-rasai pada tahun ini atau pada tahun2 yang akan datang.

Pendek kata "kemajuan" negara itu hendak-lah di-lihat dari beberapa segi dengan sa-luas2-nya; sama ada dari segi Kerajaan atau pun peribet, dan hendak-lah di-nilai berasaskan masa yang lebeh panjang. Ji-

ka nilai dan pandangan "kemajuan" negara kita yang di-chintai ini di-pertimbangkan demikian, saya perchaya golongan kecil yang kurang faham yang telah menghadapkan anchaman2 dan keretik2 itu sudah tentu akan bersetuju dengan saya dan sa-bilangan besar daripada ra'ayat negeri ini bahawa adalah kena pada tempat-nya pada hari yang berbahagia ini kita semua bersama2 menguchapshukor kapada Allah dan berterima kasih kapada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia atas kemajuan2 dan keharmonian masa2 kebelakangan itu.

Pada tahun ini juga kita akan dapat menyaksikan perubahan kemajuan dalam negeri. Dengan berjalan-nya ranchangan letrik Negara, ra'ayat dan penduduk di-Brunei akan dapat menggunakan kuasa letrik bukan sahaja untuk keperluan rumah tangga, akan tetapi juga untuk perusahaan2 dan lain2-nya.

Kita juga akan mula menggunakan mata wang kita sendiri dalam tahun ini dan pengeluaran Mata Wang Brunei ada-lah juga membuktikan kemajuan kita di-segi ekonomi dan sia-sah.

Beberapa banyak lagi ranchangan kemajuan sedang di-selenggarakan oleh Kerajaan dan ada-lah di-harapkan ranchangan2 ini dapat di-sempurnakan se-berapa awal yang boleh bagi faedah ra'ayat dan negeri.

Oleh yang demikian, pada hari dan bulan yang baik lagi di-berkati ini, saya berseru kapada semua lapisan masyarakat; terutama sekali ra'ayat negeri ini untuk bersalam2an, berma'af2an dan ziarah menziarahi di-antara satu sama lain, dan membaharui atau memulai satu kehidupan yang akan senantiasa membawa kebahagiaan dan kesejahteraan serta keselamatan ra'ayat dan negara.

Dengan sempena hari yang mulia ini juga, mari-lah kita bersama2 berdo'a sa-moga Allah Subhanahu Wata'ala akan senantiasa memberi perlindungan dan pentunjak-nya kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri serta kerabat2 Di-Raja Brunei, Darul-Salam.

Sa-moga Allah Subhanahu Wata'ala juga akan melanjutkan usia Baginda terus memerintah di-atas Takhta Kerajaan dengan penoh keadilan, kema'amoran serta keselamatan. Sekian, terima kasih."



Ini-lah satu pemandangan "Pasar Di-Ayer" di-Kawasan Tambing, Bandar Brunei. Salain daripada membeli ikan dan sa-bagai-nya yang di-

jual di-Pasar Besar, Bandar Brunei, orang ramai juga dapat membeli ikan dan sa-bagai-nya yang di-jual di-Pasar Di-Ayer itu.

Ha-nya 3 Negara D

BANDAR BRUNEI.—Ha-nya tiga orang Islam sahaja dari seluruh Negeri Brunei telah di-dapati melanggar Undang2 Ugama dan Mahkamah2 Kadhi Negeri Brunei kerana tidak Berpuasa pada siang hari dalam Bulan Ramadhan yang lalu. Demikian menurut Pegawai Penda'awa Raya Mahkamah Sharaiyah Negeri Brunei, Awang Haji Md. Tarif bin Pehin Seri Wangsa Haji Muhammad dalam satu pertemuan dengan beliau pada Hari Raya Aidil Fitri. Dalam pertemuan terse-



Gambar ini di-ambil di-Istana Darul Hana pada masa Sambutan Hari Raya Aidil Fitri baru2 ini. Dalam gambar ini kelihatan sa-orang Ibu membawa anak-nya untuk menziarahi Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

GUNAKAN-LAH BAH

GAMBAR2 BAWAH DAN KANAN pada masa di-langsungkan Sembahya di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Khamis 12 Januar



Orang Sahaja Dari Seluruh Di-dapati Tidak Berpuasa

but, Awang Haji Md. Tarif menerangkan bahawa Penyasat2 Ugama telah mendapati dua orang di-Daerah Belait dan sa-orang di-Daerah Temburong berbuka Puasa pada siang hari dalam Bulan Puasa yang lalu.

"Tidak sa-saorang pun di-Daerah Brunei dan Muara dan begitu juga tidak sa-saorang pun di-Daerah Tutong yang telah melanggar Undang2 Ugama dan Mahkamah2 Kadhi Negeri Brunei baru2 ini," kata beliau. Orang2 yang di-dapati me-

langgar Undang2 tersebut, kata beliau lagi, akan di-hadapkan di-Mahkamah Sharaiah, Daerah masing2 sedikit hari lagi.

Selaniut-nya Awang Haji Tarif telah memuji atas kerjasama dan kesedaran Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei dalam memelihara nama baik negara berhubung dengan Berpuasa dalam Bulan Ramadhan.

Beliau berharap sa-moga kesedaran sa-macam itu akan berpanjangan sa-lama2-nya.



Dua orang pekerja2 Muzium Brunei bergambar dengan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di-Istana Darul Hana pada hari Ahad yang lalu sa-lepas mereka menziarahi Baginda dan Mengucapkan Selamat Hari Raya Puasa kapada Baginda.

ASA MELAYU

N: Gambar2 ini di-ambil ang Hari Raya Aidil Fitri r Brunei pada pagi hari ri, 1967.





Malam Memperingati Nuzul Al-Qur'an Anjoran B.P.U.I.

BANDAR BRUNEI. — Satu Majlis Malam Memperingati Turannya Al-Qur'an iaitu Nuzul Al-Qur'an anjoran Badan Penerangan Agama Islam Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei telah di-langsungkan di-Dewan Madrasah, Jabatan Hal Ehwal Ugama, di-Bandar Brunei pada malam 18 Ramadhan bersama'an malam 30 Disember, 1966 dengan memperolehi sambutan dari kalangan Umat Islam.

Di-antara ramai para hadirin di-majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Sufri Bolkih, iaitu Putera Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri; Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin; Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei dan lain2-nya.

Majlis tersebut di-mulai dengan Bacaan Kitab Suci Al-Qur'an oleh Ustaz Awang Haji Abdullah bin Lakim.

Kemudian ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Pengerusi Malam Memperingati Nuzul Al-Qur'an, Ustaz Abdul Salam bin Abdul Razak; Penguasa Penerangan dan Tab-

liq, Negeri Brunei, Ustaz Abdul Hamid bin Bakal dan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Di-antara achara2 yang telah di-langsungkan di-Majlis tersebut ialah Peraduan Tafsir Al-Qur'an; Peraduan Kasidah serta Persembahan Nashid — NUZUL QUR'AN oleh Murid2 Sekolah Ugama Muda Hashim, Tutong.

Pemangku Kadzi Besar Negeri Brunei, Awang Haji Md. Zain bin Haji Seruddin telah melafadzkan satu Sharahan Khas di-majlis tersebut.

Hadiah2 kepada pemenang2 dan juga kepada tiap2 peserta dalam Peraduan Tafsir Al-Qur'an dan juga Peraduan Kasidah telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Sufri Bolkih.

Keputusan2 peraduan2 tersebut ada-lah seperti berikut:

PERADUAN TAFSIR AL-QUR'AN: Pertama — Awang Ahmad bin Abu Bakar (Wakil Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah Ugama, Brunei). Kedua — Awang Wahab bin Juned (Wakil Persatuan

INSAP Brunei). Ketiga — Aw. Haji Mashud bin Awang Damit (Wakil Persatuan Kampong Saba — PERKASA — Brunei).

Hadiah2 Sagu Hati — Aw. Md. Shahree bin Awang Husain (Wakil Persatuan PERKA Brunei); Awang Mohiddin bin Abdul Ghani (Wakil Persatuan Pemuda/i Tanjong Maya, Tutong); Dayang Norhani binte Haji Abdul Kadir (Wakil Persatuan Belia Sengkurong) dan Awang Md. Daud bin Abdul Momin (Wakil Persatuan Pakatan Putera/i Kampong Ayer, — 3PKA — Brunei).

PERADUAN KASIDAH: Pertama — Al-Ustaz Haji Abdullah bin Abdul Lakim Al-Mansuri (Wakil Persatuan Tiga Kampong Bersatu — TIBA — Sungai Hanching, Brunei). Kedua — Awang Abdul Razak bin Puteh (Dari Kampong Sumbiling, Brunei). Ketiga — Awang Tahir bin Ja'afar (Dari Kampong Padang Bunut Brunei).

Hadiah2 Sagu Hati — Aw. Ahmad bin Abdul Razak (Dari Kampong Kiulap, Brunei); Awang Abdul Wahid bin Besar (Dari Kampong Lumapas, Brunei) dan Pengiran Mohidi bin Pengiran Omar (Dari Kampong Kianggeh, Brunei).

Penguasa Penerangan dan Tabliq, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei, Ustaz Abdul Hamid bin Bakal kelihatan dalam gambar ini sedang berucap di-Majlis Sambutan Malam Memperingati Nuzul Al-Qur'an yang telah di-langsungkan di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei baru2 ini.

Awang Webber Mengucapkan Selamat Hari Raya

BANDAR BRUNEI.—Pesuruhjaya Tinggi British bagi Negeri Brunei, Yang Terutama Awang F.D. Webber yang pada masa ini berada di-United Kingdom telah mengutuskan Uchapan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei.

Dalam perutusan tersebut, Yang Terutama Awang Webber berkata bahawa beliau dan isteri beliau berasa dukachita kerana mereka tidak dapat menyampaikan Uchapan Selamat Hari Raya kepada Umat Islam di-seluruh negara sa-chara bersendirian di-sebabkan mereka berada di-luar negara pada hari yang berbahagia itu.

Meskipun begitu, kedua2 beliau itu mengucapkan Selamat Berhari Raya kepada Umat Islam di-seluruh negara dan berharap sa-moga Negeri Brunei ini akan memperolehi kebahagiaan dan kema'amoran dalam segala lapangan pada tahun yang baru ini.

Menghadhiri Kursus Ketenteraan Di-England

BERAKAS. — Tiga orang Pegawai2 Askar Melayu Di-Raja Brunei telah berlepas dengan kapal terbang dari Brunei ka-United Kingdom baru2 ini.

Mereka ia-lah Lieutenan Yusof bin Mohd. Said, Lieutenan Muda Musa bin Yaacob dan Lieutenan Muda Karim bin Mohammad.

Ketiga2 orang Pegawai2 A.M.D.B. itu akan menghadhiri Kursus mengenai berbagai2 perkara yang bersangkutan paut dengan penggunaan senjata2 api Negara2 Komonwealth dan lain2 negara di-Sekolah Ketenteraan Warminster, Wilts, England sa-lama tiga minggu.



Dalam gambar ini kelihatan Pegawai2 Askar Melayu Di-Raja Brunei yang telah berlepas dengan kapal terbang ka-United Kingdom baru2 ini untuk menghadhiri

Kursus Ketenteraan di-sana. Dari kiri: Lieutenan Muda Musa bin Yaacob, Lieutenan Yusof bin Mohd. Said dan Lieutenan Muda Karim bin Mohammad.

Pejabat Jabatan

1. TAWARAN2 akan diterima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran di-Jabatan Kewangan Negara, di-Bangunan Pejabat2 Kerajaan Brunei tingkatan bawah, daripada Kontrektor2 bagi Kelas B dan C yang berdaftar dengan Jabatan Kerajaan Brunei sa-hingga jam 4.00 petang hari Ithnin 30 Januari, 1967.

“PEMBINA’AN PARIT2 CEMENT BERANGKA DAWAI DAN MENDALAMI SERTA MENGHALUSI PARIT TANAH YANG LAMA DI-BELAKANG BANGUNAN SEKOLAH SAMPAI KASUNGAI BESAR (TERUSAN B.T.T.C.) DAN MENDIRIKAN 5 KAKI TINGGI ‘GALVANISED’ PAGAR BESI ‘CHAINLINK’ TERMASOK PEMBINA’AN 5 PINTU PAGAR SA-KELILING SEKOLAH.”

2. Tawaran2 yang di-te-

Perpindahan Kampong Ayer Brunei Pemberitahuan Tawaran

rima sa-sudah waktu ini akan di-tolak.

3. Pelan2 dan butir2 kenyataan boleh-lah di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Pejabat Perpindahan Kampong Ayer Brunei sa-masa waktu bekerja.

4. TAWARAN2 MESTILAH DI-MASOKKAN KADALAM SAMPOL2 SURAT BIASA YANG BERTUTOP Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh dibuat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

5. Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran2 di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara di-Bangunan Pejabat2 Kerajaan Brunei tingkatan

bawah.

6. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkata’annya “PEMBINA’AN PARIT2 CEMENT YANG BERANGKA DAWAI BESI DAN MENDALAMI SERTA MENGHALUSI PARIT TANAH YANG LAMA DI-BELAKANG BANGUNAN SEKOLAH SAMPAI KASUNGAI BESAR (TERUSAN B.T.T.C.) DAN MENDIRIKAN 5 KAKI TINGGI PAGAR BESI (GALVANISED WIRE) CHAINLINK, TERMASOK-LAH PEMBINA’AN 5 PINTU PAGAR SA-KELILING KAWASAN SEKOLAH”

7. TAWARAN2 YANG DI-TERIMA DALAM SAMPOL2 SURAT YANG TIDAK DI-ALAMATKAN DENGAN BETOL AKAN DI-TOLAK.

8. Bayaran chengkeram tawaran ia-lah \$100.00 (satu ratus ringgit sahaja). Chengkeram ini boleh dikembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya selepas keputusannya diketahui. Wang chengkeram akan hilang jika yang berjaya menolak tawaran tersebut.

9. Tawaran2 mesti-lah dibuat di-atas borang2 tawaran yang berchetak yang boleh di-perolehi dari Pejabat Perpindahan Kampong Ayer Brunei dengan membayar chengkeram tawaran itu.

10. TAWARAN2 YANG DI-BUAT DI-ATAS BORANG2 YANG TIDAK BETOL AKAN DI-TOLAK.

11. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sahabat rendah sa-kali atau sa-barang tawaran.

Pertandingan Bintang Radio Brunei Di-Tanggohkan

BANDAR BRUNEI.—Pertandingan Bintang Radio Kejohanan Seluruh Negeri Brunei yang di-jangka berlangsung pada malam 21 Januari, 1967 telah di-tanggohkan sa-hingga bulan Mach akan datang.

Penanggohan tarikh tersebut ia-lah di-sebabkan beberapa perkara yang tidak dapat di-elakkan, terutama sekali mengenai kemudahan2 yang tidak dapat di-sediakan tepat pada waktu-nya.

Walau mach mana pun, Bahagian Melayu Radio Brunei telah mengambil keputusan bahawa Pertandingan Bintang Radio itu akan tetap berlangsung pada malam 22 Mach, 1967 bertempat di-

Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei, ia-itu bersempena dengan Sambutan Hari Raya Haji.

Tiket2 yang berharga \$2.00; \$1.50 dan \$1.00 akan di-jual kepada orang ramai pada awal bulan Mach.

Sa-lain dari itu Chenderamata Bintang Radio yang berharga lima puluh sen sannaskah juga akan di-jual kepada orang ramai pada hari penjualan tiket2 untuk menonton temasha tersebut.

Radio Brunei Bahagian Melayu, dengan siaran ini, menuntut ma’af kepada orang ramai, terutama sekali kepada peminat2 Bintang Radio, atas tergendalanya di-adakan pertandingan tersebut.

Uchapan "Salamat Alu Ghaya" Bergema Di-Tanjong Maya

TANJONG MAYA. — Persatuan Pemuda Pemuda Tanjong Maya (3PTM) Tutong telah mengadakan satu Majlis Jamuan Sambutan Hari Raya Aidil Fitri bertempat di-Balai Raya Tanjong Maya pada pagi hari Juma’at 13 Januari, 1967.

Di-antara ramai para hadhirin lelaki dan perempuan di-majlis tersebut ialah Penghulu Mukim Tanjong Maya, Yang Mulia Bendahari Haji Abdul Ghafar dan isteri; Pengelola Rancangan Belia Negeri Brunei, Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah dan isteri serta wakil2 dari Persatuan2 Belia di-Daerah Tutong.

Majlis tersebut telah juga di-adakan untuk Mengucapkan Selamat Menunai-kan Fardhu Haji pada tahun ini kepada seramai delapan belas orang lelaki dan perempuan dari Tanjong Maya.

Uchapan2 “SALAMAT ALU GHAYA” yang bermakna “Selamat Hari Raya” telah bergema di-ucapkan oleh para hadhirin di-majlis tersebut.

Pengelola Rancangan Belia Negeri Brunei, Awang Zulkiflie yang juga telah beruchap di-majlis tersebut, telah tidak ketinggalan mengucapkan “SALAMAT ALU GHAYA” kepada para hadhirin sekalian.

Majlis tersebut di-mulai dengan Bachaan Al-Quran oleh Awang Johari bin Khamis dan di-akhiri dengan Do’a Selamat oleh Awang Abdul Lahai bin A. Lakim, Setia Usaha Bahagian U gama, Persatuan Pemuda Pemuda Tanjong Maya.

Sa-lepas di-adakan Bachaan Al-Qur’an, Pengerusi Majlis, Awang Md. Taib bin Haji Md. Said telah melafadzkan Uchapan Alu2an di-turuti dengan satu Cheramah Khas mengenai Persatuan Pemuda Pemuda Tanjong Maya oleh Setia Usaha Agong persatuan itu, Awang Md. Zain bin Tengah.

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un telah selamat baek ka-Brunei dari Kuala Lumpur, Malaysia dengan kapal terbang baru2 ini sa-lapas beliau dan Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Dato Setia John Lee menghadiri Persidangan Mengenai Hal Ehwal Kewangan di-Kuala Lumpur.

Dalam gambar ini kelihatan Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal dan Isteri beliau, Datin Zubaidah pada masa hendak balek ka-rumah dari Lapangan Terbang Berakas, Brunei.



Titah Uchapan D.Y.M.M.

DARI MUKA 1

hari yang berbahagia ini, Hari Raya Aidil Fitri Beta dapat bersama ra'ayat Beta sekalian mengerjakan Rukun Islam yang ke-tiga, ya' ini Berpuasa sa-panjang Bulan Ramadhan.

Lazim-nya dalam menyambut nikmat Puasa, ne-reka yang laila menganut Ugama Islam melahirkan laila perasaan suka dan gembira yang tidak terperi itu dengan beramai2 dan bersendirian, sama2 memuji kebesaran Allah dan bertakbir di-rumah2, di-Masjid2 di-seluruh pelusok negara, dengan memakai pakaian yang serba berseh, bersembahyang Idil Fitri dan mendengarkan Khotbah dan nasehat2 pada memboktikan hati laila ikhlas dan kegembiraan disertai dengan ziarah menziarahi, jamu menjamu, bersalam salaman antara satu dengan lain.

Beta perchaya bahawa ra'ayat Beta yang di-kasehi akan menyedari bahawa dengan linpah kurnia Allah s.w.t., maka kita dapat menyambut hari baik dan bulan baik, ya' ini Berhari Raya di-dalam suasana aman dan meriah, penoh dengan Semangat Persahabatan dan saling hormat menghormati, hasil-nya daripada ketenteraman dan keamanan serta laila perpaduan dari berjenis golongan masyarakat di-dalam negeri kita ini.

Pada mengekalkan nama baik negeri kita Brunei Darul Salam ini, maka pelihara-lah semangat yang mulia pada menunaikan tanggungan yang terutama sekali dalam memelihara keamanan, ketenteraman dan mempertahankan keselamatan negara, mudah2an terpelihara isi dalam-

nya dan yang akan menjauhkan dari kachau bilau dan bergagut bantah dengan ketiadaan sebab2 juga memelihara saling mengerti dan perpaduan hubungan berbaik baik ka-arrah kebajikan dengan tidak mengira bangsa dan Ugama, mudah2an kekal sa-lama2-nya menjadi amalan.

Pengajaran Berpuasa dan mematohi Hukum2-nya ada-lah memberi panduan yang maha besar laila berfaedah dan munafa'at, Berhari Raya dengan perasaan laila muhibbah dan saling mengerti serta mengenang jasa dan budi, maka Beta perchaya amalan yang sademikian ini ada-lah membayangkan bokti yang nyata betapa laila rohani kita sekalian.

Sa-lain dari itu, Beta sukachita di-dalam Uchapan Beta ini, mengingatkan ra'ayat Beta dan Beta harap ra'ayat Beta sentiasa menyimpan di-dalam ingatan bahawa dengan laila terzamin-nya kesejahteraan, keselamatan dan kema'amoran negara kita yang di-kasehi ini, maka keturunan2 kita di-masa2 hadapan akan dapat mencontohi laila pembawaan dan tahukan tanggung jawab yang kita semua di-masa ini pada menitik-beratkan dan chintakan ketenteraman dan bersemangat patoh kapada Undang2 dan Peratoran2 serta berperi — kemaanusiaan laila bersafahaman. Ini ada-lah sa-bagai chontoh atau tauladan sa-bagai dalil pada melailakan rohani dan jasmani kita semua.

Pada akhir-nya, sekali lagi Beta mengucapkan SELAMAT HARI RAYA kapada sekalian ra'ayat Beta Umat Islam termasuk-lah seluruh Pegawai2 Keraja-

an, Pegawai2 Ugama, Pegawai2 Tentera dan Pasokan2 Polis, Pasokan2 Keselamatan, serta Tentera2 Kerajaan Baginda Queen yang berkhidmat di-negeri ini dan dengan harapan dan Do'a Beta, sa-moga Awang2 dan Dayang2 sekalian berada di-dalam sehat walafiat, aman dan bergembira di-sapanjang masa.

Beta Berdo'a sa-moga suasana kemeriah dan persahabatan yang ramah mesra yang di-lahirkan pada menyambut Hari Raya Idil Fitri ini, hendak-nya berkekalan hidup subur di-dalam hati ra'ayat Beta yang beragama Islam dan ra'ayat penduduk2 negeri ini sentiasa".

MINGGU PERI-BAHASA

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Polis Di-Raja Brunei akan melancarkan MINGGU PERI-BAHASA di-seluruh negara mulai pada hari Ithnini 23 Januari 1967 hingga ka-hari Ahad 29 Januari, 1967.

Menurut Pesuruhjaya Polis, Awang J. R. H. Burns, tujuan di-adakan Minggu Peri-Bahasa itu ia-lah bagi mengingatkan pengguna2 jalan raya mengenai chara2 Peratoran di-jalan raya.

PERSIDANGAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI.—Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei yang telah ditangguhkan baru2 ini akan di-sambung sa-mula pada hari ini.

Persidangan itu akan di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar mulai jam 9.00 pagi.

MANGSA2 BANJIR MALAYSIA:

KERAJAAN BRUNEI AKAN MENDERMA \$12,000

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei akan menderma wang sa-banyak \$12,000 kapada Tabong Malapetaka Negara, Malaysia untuk membantu mangsa2 banjir di-Malaysia.

Umat Islam Dari Seluruh Negara Menyambut Hari Raya Dengan Gembira

BERIBU2 ORANG Umat Islam dari seluruh Negeri Brunei telah menyambut Hari Raya Aidil Fitri Tahun Hijrah 1386 dengan gembira pada hari Khamis 12 Januari, 1967.

Pada pagi hari yang berbahagia itu, Masjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei serta Masjid2 di-seluruh negara telah di-banjiri oleh Umat Islam untuk Bersembahyang Hari Raya.

Samenjak Hari Raya Yang Kedua hingga ka-Hari Raya Yang Keempat, 8,120 orang dari berbagai2 bangsa telah mengunjongi ka-Istana Darul Hana untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri Kabawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri serta kapada Kerabat2 Di-Raja.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan juga dalam Titah Uchapan Baginda menyambut Hari Raya Aidil Fitri baru2 ini telah mengucapkan Selamat Hari Raya kapada sekalian ra'ayat Baginda Umat Islam, termasuk-lah seluruh Pegawai2 Kerajaan, Pegawai2 Ugama, Pegawai2 Tentera dan Pasokan2 Polis, Pasokan2 Keselamatan, serta Tentera2 Kerajaan Baginda Queen yang berkhidmat di-Negeri Brunei dan dengan harapan dan Do'a Baginda sa-moga mereka sekalian akan berada di-dalam sehat walafiat, aman dan bergembira di-sapanjang masa.